



---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.44 (88)  
Tarikh : 20 Mac 2015

## SIARAN MEDIA

### **Taman Wai Permai Menjanjikan Kehidupan Lebih Selesa kepada Golongan Berpendapatan Rendah**

**Kuala Perlis, 7 April 2015** - Majlis Penyerahan Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Wai Permai disempurnakan dengan penyerahan PPR Taman Wai Permai oleh Y.B. Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Y.A.B. Menteri Besar Perlis pada pagi ini.

2. PPR ini yang telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Perlis untuk dikenal pasti bakal-bakal penghuni yang layak dengan kadar sewaan yang munasabah adalah salah satu PPR tercantik yang pernah dibina oleh JPN. PPR ini dahulunya dikenali sebagai PPR Kg Wai telah diberi nama baru Taman Wai Permai.

3. Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) membina PPR ini dengan kos RM24.5 juta ini akan memberikan kehidupan yang lebih selesa kepada penduduk yang berpendapatan rendah (setingan, Orang Kelainan Upaya (OKU),ibu tunggal) yang ditempatkan semula.

4. PPR Taman Wai Permai yang dibina di atas tanah seluas 20 ekar merangkumi 200 unit rumah teres jenis kluster satu tingkat oleh kontraktor pembinaan Syarikat Gardenia Villas Sdn Bhd. Projek yang dilaksanakan secara konsep reka dan bina ini telah mula pembinaannya pada 17 Julai 2012 dan telah siap sepenuhnya serta mendapat Sijil Layak Menduduki (CCC) pada 11 Disember 2014.

5. Kerajaan tidak lagi hanya menyediakan tempat tinggal semata-mata, malah turut menyediakan pelbagai kemudahan asas seperti tempat letak kereta, dewan serbaguna, surau, tadika, gerai, taman permainan dan kawasan rekreasi untuk kemudahan dan

keselesaian para penduduk.

6. Bagi memastikan penghuni PPR mendapat keselesaan, KPKT memperkenalkan selain daripada tapak tanah yang disediakan oleh Kerajaan Negeri, KPKT mengenal pasti tanah-tanah milik persendirian di lokasi yang strategik untuk di bangunkan sebagai projek-projek PPR.

7. Konsep ini diharap dapat memberikan kemudahan perumahan mampu milik di kawasan perbandaran dengan kemudahan infrastruktur sedia ada yang lengkap, selamat, sesuai didiami, tempat tinggal terlindung dan terjamin.

8. KPKT telah melaksanakan 3 projek PPR lagi di negeri Perlis termasuk projek PPR Kg. Wai (Taman Wai Permai) ini. Secara keseluruhan projek PPR di negeri Perlis ini melibatkan sebanyak 1,428 unit rumah. Projek PPR yang telah dilaksanakan adalah:

i. PPR Bintong, Kangar	748 unit
ii. PPR Mukim Sena, Kangar	480 unit
iii. PPR Kg. Wai, Kuala Perlis	200 unit
JUMLAH :	1,428 unit

9. KPKT telah merancang untuk membina sebuah lagi projek PPR di negeri Perlis iaitu PPR Arau sebanyak 400 unit.

10. Kerajaan Persekutuan melalui KPKT telah mensasarkan keseluruhan pembinaan PPR sebanyak 102,435 unit rumah di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 75,191 unit telah siap dibina manakala sebanyak 27,244 unit masih dalam pelbagai peringkat perancangan dan pelaksanaan. Secara keseluruhannya, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sebanyak RM2.517 bilion bagi melaksanakan projek Program Perumahan Rakyat di bawah RMKe-9 di seluruh negara. Manakala RM 1.920 billion telah diperuntukan bagi pembangunan projek di dalam RMKe 10.

11. Majlis pada pagi ini dihadiri oleh YAB Dato' Seri Azlan bin Man : Menteri Besar Perlis Indera Kayangan, YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak :Ketua Setiausaha KPKT, YB Tuan Haji Mat Bin Haji Hassan; EXCO Perumahan & Kerajaan Tempatan, Perkhidmatan Bandar dan Pembangunan Penjaja & Peniaga Kecil, YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan

Negeri Perlis, YB. Tuan Romli bin Dai : Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis; YBhg. Datuk Mohamad Yusoff bin Ghazali :Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara, pegawai kanan KPKT dan Kerajaan Negeri Perlis dan penduduk setempat.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)